

29 MAR 2002

Mahathir-Singapura/I

DR MAHATHIR BIDAS SINGAPURA BERHUBUNG ISU PENAMBAKAN

SHAH ALAM, March 29 (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas Singapura kerana enggan bekerjasama dengan Malaysia bagi mengatasi masalah berhubung kegiatan penambakan laut oleh republik itu berdekatan perairan negara ini.

"Kalau dia buat ikut suka hati dia, kita pun boleh buat ikut suka hati kita," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional Selangor di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan Malaysia berharap Singapura memberi kerjasama berhubung isu itu sekiranya ia mengharapkan perkara yang serupa dari Malaysia.

"Kita harap Singapura kerjasamalah," katanya apabila diminta mengulas kenyataan Menteri Pembangunan Negara Singapura Mah Bow Tan baru-baru ini bahawa nrepublik itu akan meneruskan kerja penambakan bagi memenuhi permintaan terhadap tanah yang semakin meningkat.

Dalam ucapannya di parlimen yang disiarkan semalam, Mah berkata Singapura akan meneruskan kerja penambakan tanah walaupun menerima sungutan dari Malaysia bahawa kerja yang dilakukan di Selat Johor yang sempit itu akan mengganggu laluan kapal dan menjejaskan alam sekitar.

Kenyataan beliau telah menimbulkan kegelisahan Malaysia yang membantah kerja penambakan tersebut kerana ia menjejaskan hidupan laut dan menyempitkan laluan kapal ke Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor.

Kuala Lumpur bercadang menghantar nota kepada Singapura yang mengandungi bukti tentang kesan negatif akibat kerja penambakan itu terhadap negara ini serta meminta republik itu menghentikan kegiatan berkenaan.

Dr Mahathir berkata Kuala Lumpur menghadapi kesukaran walaupun sekadar meminta Singapura menghentikan sementara kerja penambakan itu apabila dua menteri negara tersebut mengeluarkan kenyataan yang bercanggah.

"Bila Timbalan Perdana Menteri dia (Lee Hsien Loong) datang sini, dia kata nak timbangkan tetapi menteri lain pula kata nak teruskan juga. Jadi payahlah sikit," katanya.

Ditanya sama ada kabinet telah menerima laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) akibat kerja penambakan itu untuk dikemukakan kepada kerajaan Singapura, perdana menteri berkata: "Ia belum siap lagi."

Katanya kajian EIA itu mengambil masa.

-- BERNAMA

MAD HS SP MAI